



**Manuscript Title:** RITUAL BERSERARA BUNGAI DALAM ADAT KEMATIAN ORANG  
IBAN DI SARAWAK: KAJIAN KOLEKTIF MEMORI  
*BESERARA BUNGAI RITUAL IN THE DEATH CUSTOMS OF THE IBAN  
COMMUNITY IN SARAWAK: A COLLECTIVE STUDY OF MEMORY*

**Authors:** Gregory anak Kiyai @ Keai

**Accepted Date:** 30-August-2024

**Please cite this article as:** Gregory anak Kiyai @ Keai. Ritual berserara bungai dalam adat kematian orang Iban di Sarawak: Kajian kolektif memori. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**RITUAL *BESERARA BUNGAI* DALAM ADAT KEMATIAN ORANG  
IBAN DI SARAWAK: KAJIAN KOLEKTIF MEMORI**

***BESERARA BUNGAI RITUAL IN THE DEATH CUSTOMS OF THE IBAN  
COMMUNITY IN SARAWAK: A COLLECTIVE STUDY OF MEMORY***

**Gregory anak Kiyai @ Keai**

Jabatan Seni Visual, Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya

Email: [gregory.kiyai@um.edu.my](mailto:gregory.kiyai@um.edu.my)

**ABSTRACT**

*The Beserara Bungai ritual is a death custom in the traditional beliefs of the Iban community in Sarawak. The purpose is to sever the spiritual connection between the spirits of the dead and family members, relatives and friends who are still alive in the longhouse. However, the arrival of colonizers in the late 19th century has dramatically changed the Iban community's cultural landscape and customs in Sarawak, including the customs of Beserara Bungai. This research takes the form of ethnography by using the collective study of memory in data collection. The focus of the research was to look at the implementation in the Beserara Bungai custom of the ideas, beliefs of its people, and practices in rituals. The results found that now, the Beserara Bungai custom has been modified based on its relevance in the new religion of the Iban community in the longhouse. Therefore, this research proposal hopes that more comprehensive research will be conducted in digital or documentary form.*

Keywords: Custom, beserara bungai, Iban, cosmology, collective memory

## **ABSTRAK**

Ritual *Beserara Bungai* adalah merupakan adat kematian dalam kepercayaan tradisional masyarakat Iban di Sarawak. Tujuannya adalah untuk memutuskan hubungan secara spiritual di antara roh orang mati dengan ahli keluarga, saudara mara dan sahabat handai yang masih hidup di rumah panjang. Namun, kedatangan penjajah lewat abad Ke-19, telah banyak merubah landskap budaya dan adat resam masyarakat Iban di Sarawak, ini termasuklah dalam adat *Beserara Bungai*. Penyelidikan ini berbentuk etnografi dengan menggunakan kajian kolektif memori dalam pengumpulan data. Fokus penyelidikan adalah untuk melihat pelaksanaan dalam adat *Beserara Bungai* tentang idea, kepercayaan masyarakatnya dan amalannya dalam ritual. Hasil mendapati bahawa kini, adat *Beserara Bungai* telah diubahsuai berdasarkan kerelevanan dalam agama baharu masyarakat Iban di rumah panjang. Oleh itu, cadangan penyelidikan ini adalah berharap penyelidikan yang lebih kolektif akan dijalankan di masa hadapan dalam bentuk digital ataupun dokumentari.

**Kata kunci:** Adat, beserara bungai, Iban, kosmologi, kolektif memori

## **PENGENALAN**

Pepatah ada mengatakan “setiap pertemuan, pasti ada perpisahan”. Ironinya dalam fitrah manusia menjelaskan bahawa setiap pertemuan harus diakhiri dengan perpisahan sama ada bersifat kekal atau sementara. Itu adalah realiti hidup manusia, yang membawa kepada pelbagai perasaan seperti sedih, marah, kecewa atau gembira. Terma perpisahan adalah merupakan sebuah interpretasi yang negatif dalam perhubungan manusia kerana ia dilihat sebagai penolakan, penafian

dan tidak menerima. Umumnya, manusia mempunyai pelbagai cara dalam menyatakan perpisahan mereka. Sama ada perpisahan tersebut dizahirkan melalui komunikasi secara verbal, melalui pergerakan tubuh badan atau melalui sistem tulisan. Namun bagaimana pula untuk mengatakan perpisahan terhadap masyarakat, ahli keluarga, saudara-mara, atau sahabat handai yang telah meninggal dunia.

Sesuai dengan kebudayaan manusia, kita memiliki ajaran agama dan kepercayaan yang mengajar manusia mengungkapkan makna perpisahan bagi individu yang telah meninggal dunia iaitu melalui bacaan doa atau amalan-amalan budaya yang diwarisi secara turun temurun oleh sesebuah komuniti. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, komuniti peribumi ini mempunyai sebuah adat istiadat yang unik dalam menyatakan idea mereka untuk mengungkapkan perpisahan dengan individu yang telah meninggal dunia melalui sebuah pelaksanaan ritual. Selepas tiga hari setelah dari tempoh kematian dalam adat Iban,<sup>1</sup> mereka akan mengadakan sebuah ritual yang dikenali dengan pelbagai nama seperti *Beserara Bungai*, *Sarak Bungai*, atau *Sara Bungai* yang membawa maksud 'berpisah dengan bunga' (bunga adalah merujuk kepada roh individu yang telah meninggal dunia). Ritual *beserara bungai* diadakan adalah sebagai lambang dan simbolik untuk memisahkan orang yang telah mati daripada keluarga dan sahabat handai mereka di rumah panjang. Ritual tersebut hanya dapat dilakukan oleh *Manang* yang telah melakukan ritual *bebangun*<sup>2</sup> sahaja dan bersifat penuh sakral dalam adat kematian Iban di Sarawak (Kiyai, 2019).

Namun, kemasukan penjajah Eropah lewat abad Ke-19 telah banyak menghakis budaya ketara dan budaya tidak ketara masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini adalah disebabkan oleh pengaliran budaya luar iaitu penyebaran agama Kristian, pendidikan berteraskan gereja Katolik dan penekanan budaya sosial dari British telah meninggalkan kesan yang sangat ketara dalam amalan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Masyarakat Iban kini telah meninggalkan adat istiadat nenek

moyang yang dirasakan tidak relevan dengan kehidupan mereka dan ditukar dengan kehidupan yang lebih moden dan komtemporari (Kiyai, 2019). Ritual *Beserara Bungai*, antara amalan adat nenek moyang yang kian dilupakan dan dimodifikasi dengan cara agama Kristian. Oleh itu, makalah ini adalah bertujuan untuk membincangkan idea dan konsep ritual *Beserara Bungai* dalam adat kematian masyarakat Iban di Sarawak melalui penyelidikan secara kolektif memori. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengarkibkan dan mengkonservasikan amalan budaya tersebut daripada lupus dan menyebarkan kefahaman secara kolektif mengenai amalan masyarakat peribumi di Borneo, khususnya. Hasil dapatan mendapati bahawa adat *Beserara Bungai* masih diamalkan di rumah-rumah panjang semasa berlakunya kematian, namun adat ini telah dimodifikasi berdasarkan kepada ajaran baharu yang dianuti oleh masyarakat Iban iaitu agama Kristian.

## **KONSEP RITUAL DALAM KEMATIAN MANUSIA**

Sejak dahulu lagi masyarakat peribumi mempunyai ideologi dan pandangan mereka sendiri dalam mentarifikan sistem kosmologi nenek moyang mereka. Pandangan tersebut adalah merupakan sebuah kepercayaan yang telah diwarisi dan diceritakan secara turun temurun dalam sumber lisan mereka. Idea dalam masyarakat tentang destinasi manusia akhir kehidupan mereka bukanlah sebuah topik yang baharu diperdebatkan secara akademik dalam dunia antropologi. Pelbagai perspektif yang telah dikemukakan dalam budaya dan adat masyarakat di dunia.

Umumnya, masyarakat yang berbudaya mempunyai ritual yang khusus sesuai dengan adat masyarakatnya dalam mencitrakan dan menzahirkan ideologi mereka tentang ritual kematian seperti (i) bahawa peristiwa kematian manusia adalah satu proses peralihan kepada kehidupan baharu di akhirat dan (ii) individu yang telah

meninggal dunia, rohnya akan diintergrasikan ke dalam kehidupan yang baharu di antara makhluk halus dan alam baka (Haryono, 2012). Umumnya, kajian tentang ritual adalah merupakan sebuah pembangunan ilmu yang telah diteliti oleh para ahli agama dan antropologi sejak abad Ke-19 dan abad Ke-20 lagi. Kajian ritual dalam budaya memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang Kemanusiaan dalam membandingkan idea-idea dari ilmu agama, antropologi, sosiologi, psikologi, sejarah budaya dan ekonomi budaya. Pada tahun 1971-an, kajian tentang ritual dalam budaya manusia telah diperkemas lagi idea dan konsepnya dalam pembangunan projek pembaharuan *Liturgi* oleh *American Academy of Religion*. Sarjana Ronald Grimes khususnya telah meletakkan kajian ritual dalam peta akademik Sains Sosial dan menemukan pelbagai penyelidikan yang mantap antara usaha beliau adalah memainkan peranan penting dalam pembaharuan *Liturgi* selepas *Vatican II*. Beliau turut membincangkan *liturgi* secara kritis dalam persidangan dan bengkel dari perspektif Gereja Roman Katolik (Rustinsyah, 2016).

Menurut Layungkuning (2013) kematian dalam mana-mana budaya adalah bersangkutan paut dengan upacara dan ritual. Terdapat pelbagai sebab, mengapa proses kematian harus diadakan dengan upacara adat dan ritual. Beliau melihat dalam penyelidikannya iaitu melalui ideologi dan kepercayaan Masyarakat Jawa di Indonesia, mereka melihat bahawa kematian adalah sebagai peralihan status baharu si mati. Semua status yang dibawa semasa hidup, akan dilucutkan dan digantikan dengan imej kehidupan yang mulia. Makna kematian dalam adat Jawa adalah merujuk kepada pengertian kembali kepada asal usul kewujudan yang disebut sebagai *sangkan paraning dumadi*. Kematian dalam budaya Jawa selalu dilakukan dengan upacara ritual, biasanya akan diiringi dengan upacara sembayang, persembahan, penyelamatan, pembahagian harta pusaka dan pembayaran hutang.

Manakala, menurut Monda (2014) dalam masyarakat Toraja di Sulawesi, mereka akan mengadakan ritual *Rambu Solo* sesuai dengan konsep kepercayaan leluhur mereka sebagai penganut *Aluk Todolo*. Nenek moyang suku Toraja percaya bahawa kematian adalah cara untuk kembali ke langit dan menjadi menjadi manusia ilahi sama seperti pada awal penciptaan manusia ke dunia. Masyarakat Toraja percaya bahawa roh orang mati yang belum menerima upacara *Rambu Solo* akan berkeliaran dan hanya akan pergi dengan tenang sekiranya ritual tersebut telah dijalankan oleh ahli keluarga yang masih hidup.

Di Sarawak, konsep ritual dalam amalan kematian telah dikenalpasti terjadi kira-kira 3500 ribu tahun lampau atau lebih awal lagi. Pernyataan ini adalah dengan mengambil kira kepada penemuan lukisan yang terdapat pada permukaan gua di dalam Gua Kain Hitam, Niah Sarawak dan jumpaan artifak yang dipercayai menjadi teras dalam amalan masyarakat prasejarah yang telah menetap di kawasan itu sekitar 1000 tahun lampau dengan mengamalkan kebudayaan *Hoabinh*<sup>3</sup> (Marzuki,2001: Kimwah et al, 2018). Penyelidikan di Gua Hitam, Niah telah menginterpretasikan bahawa telah wujudnya amalan ilmu kedudukan dalam ritual masyarakatnya. Ini adalah berdasarkan kepada lukisan pada permukaan dinding gua telah dikenalpasti imej *anthropomorphic* sebanyak 40 jenis imej yang telah menggambarkan wujudnya kebudayaan awal masyarakat prasejarah di gua tersebut. Kesemua imej tersebut adalah berdasarkan kepada ciri-ciri fizikal reka bentuk tubuh yang lengkap dengan kepala, tangan dan kaki yang sempurna. Melalui penelitian imej tersebut, beberapa figura dalam pelbagai posisi iaitu seperti melompat, menari dan bergerak dalam bentuk bulatan adalah cukup untuk para penyelidik memahami bahawa itu adalah suatu bentuk ritual yang dilakukan oleh seorang bomoh. Di Gua Niah, berdasarkan kepada kajian Harrisson (1970) telah wujud amalan kebudayaan yang berkaitan dengan pengembumian mayat dan aktiviti sosial masyarakat prasejarah. Jumpaan artifak budaya seperti kerangka tulang manusia, manik kaca, dan peralatan logam yang dijumpai bertaburan di

sekeliling keranda perahu telah megwujudkan sebuah perspektif budaya masyarakat prasejarah sudah mempunyai *worldview* mereka tentang alam selepas kehidupan iaitu kemana roh mereka akan pergi selepas mati (Kimwah, 2020).

Dalam konsep kematian masyarakat Iban, ritual yang diadakan dalam upacara kematian adalah merupakan sebagai satu bentuk kasih sayang dan harapan agar ahli kerabat yang telah meninggal dunia mendapat tempat yang sepatutnya dan mencari ketenangan bagi rohnya. Kaedah tersebut adalah merupakan sebuah usaha yang jitu dan penuh keramat yang dilakukan oleh komunitinya dalam menghargai segala bentuk memori dan refleksi perwatakannya semasa hidup bahawa beliau akan terus tersemat dalam kenangan mereka, lebih-lebih lagi ahli keluarga, saudara mara dan sahabat handai yang kehilangan seorang anak, pasangan, saudara atau sahabat dan cara inilah untuk menghiburkan mereka yang ditinggalkan dari terus meratapi dan bersedih. Di mana, ritual tersebut akan dihubungkan dengan kepercayaan tradisional mereka tentang kewujudan alam kematian yang dikenali sebagai *Sebayan* dan pelaksanaan dalam menguruskan adat kematian Iban haruslah menggunakan dua medium iaitu *leka pelian* dan ritual *belian* (temubual bersama informan Bibiana Motey)

*Leka pelian* adalah merupakan medium yang digunakan oleh *Manang* untuk menzahirkan, melindungi dan berkomunikasi dengan alam ghaib dalam melaksanakan sesebuah ritual di rumah panjang. Menurut Tugau et al (2022) dalam kajiannya telah mengenalpasti terdapat lebih 56 buah *leka pelian* yang digunakan dalam ritual Iban dan *leka pelian beserara bungai* adalah dikhususkan dalam adat kematian. Manakala ritual *belian* adalah merujuk kepada pelaksanaan yang dilakukan oleh *Manang* secara tradisional berdasarkan adat dan kepercayaan *pengarap lama* (kepercayaan nenek moyang) Iban yang bersifat *animisme*. Semasa menlantunkan dan melakukan *leka pelian* dan ritual *belian*, roh *Manang* akan terbang ke langit untuk bertemu dan berurusan dengan *bunsu petara*<sup>4</sup> yang



bernama *Raja Durung* dengan nama timangannya *Lupung Tibung Bebaring* dan isterinya *Endu Dara Talun Pelangkai, Kuta Dinding Ari*. Manakala di sebayan, *Manang* akan bertemu dengan *Raja Niram* iaitu merupakan *bunsu petara* yang menguasai alam kematian. Semua ini adalah merupakan sebuah kerangka idea dalam konsep ritual *besserara bungai* dalam adat kematian Iban di rumah panjang.

## **PERBINCANGAN LEPAS**

Menurut Sather (2021) dalam penyelidikannya iaitu '*Life, death and journeys of regeneration in Saribas Iban funerary rituals*', membincangkan perjalanan masyarakat Iban di Saribas ke dunia lain adalah satu peringkat dalam memberi penjanaan semula peringkat kehidupan masyarakat Austronesia. Transformasi ini dilihat dari proses kelahiran, kehidupan dan kemanakah jiwa orang Iban selepas kematian. Bagi orang Iban, kematian tidak bersifat pengakhiran secara mutlak, tetapi itu adalah satu proses pemisahan mereka secara nyata di dunia. Bahagian badan seperti tulang dan daging akan mula mereput dan kembali semula ke permulaan asalnya seperti mana yang diciptakan olehh Dewa Selempandai iaitu dewa pencipta dalam kepercayaan Iban. Dewa Selempandai yang berperanan sebagai tukang besi akan menggunakan semula tulang-temulang orang Iban yang telah mati untuk dikitar semula menjadi *mensia* (manusia yang terlahir semula).

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, tali hayat manusia turut disama erti dengan ciri-ciri tumbuhan. Manusia ini ibarat seperti kumpulan pokok buluh atau pokok pisang yang hidup secara rumpun dan mempunyai pohon yang berasingan. Pohon yang berasingan adalah mewakili setiap ahli keluarga yang berdampingan dengan mereka. Konsep ini samalah seperti pokok bunga, iaitu kelopak bunga akan tumbuh dan berkembang dengan mekar sekiranya dalam keadaan sihat, namun sebaliknya ia akan layu dan mati sekiranya sakit. Begitulah ciri-ciri roh yang digambarkan oleh kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak, sekiranya seseorang

tersebut didapati tubuhnya berpisah dengan roh maka individu tersebut merasa 'layu' yang membawa kesakitan dan kematian (Sather, 2012:Mambut et al, 2018).

*Beserara Bungai* adalah bertujuan untuk 'memutuskan', 'memisahkan' dan 'membuang' dan apa yang dipotong adalah dahan batang tumbuhan yang mewakili roh si mati di alam akhirat. Ritual ini pada dasarnya adalah sebagai upacara perpisahan dengan meninggalkan keluarga yang berdukacita, harta dan segala jenis tanaman dan benih tumbuh-tumbuhan yang diperoleh semasa hayatnya, serta memadamkan kewajiban si mati di masa hadapan. Masing-masing dilihat hidup dalam alam yang berbeza, yang hidup akan meneruskan kehidupan di dunia manusia, manakala yang mati akan balik ke Sebayan (akhirat orang Iban). Walau bagaimana pun, situasi ini tidak memutuskan hubungan secara abstrak seperti memberikan persembahan makanan semasa upacara dan ritual, pesanan melalui mimpi dan penanda serta petanda (Sather, 2021).

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**


### **Teoritikal Penyelidikan**

Penyelidikan yang bersifat kolektif memori, banyak menggunakan unsur oraliti dalam mendeskripsi sumber naratif. Dalam sosial masyarakat, sumber budaya, komunikasi dan pengetahuan telah diarkibkan dalam sumber lisan dan diwarisi selama bergenerasi. Oleh sebab itu, sekiranya tidak wujud sistem tulisan dalam budaya manusia, maka tradisi lisan akan mendominasi dan mengekalkan konsep dominanya dalam struktur sosial masyarakat (Lattu, 2019).

Berdasarkan kepada Furniss (2003) oraliti adalah keadaan komunikatif yang wujud dalam situasi lisan kepada semua budaya manusia sama ada dalam sumber yang luas atau terhad (Lattu, 2019). Lisan pada peringkat utamanya adalah sebahagian

daripada budaya masyarakat yang memelihara *mnemonic* (proses intelektual yang terdiri dengan mewujudkan pautan untuk mengingat sesuatu perkara) melalui komunikasi secara verbal. Memandangkan pada masa dahulu, sistem tulisan bukanlah medium yang mesra dalam mencitrakan ekspresi diri, maka orang ramai kebanyakannya berhubung secara lisan. Redundansi adalah penting dalam tradisi lisan kerana pengulangan akan menggalakan seseorang untuk menumpukan pada makna yang ingin disampaikan. Realitinya, lisan membentuk hubungan yang lebih dekat dengan kehidupan sebenar manusia kerana fungsinya makna dan strukturnya daripada pengalaman kehidupan sosial yang sebenar (Ong, 1980: Kiyai, 2022).

Kajian kolektif memori bukanlah satu kajian yang baharu di tengah tengah kajian kesepaduan sosial. Kajian moden tentang kolektif memori muncul pada masa Halbwachs, *Les Cadres Sociaux de la Memoire* (kerangka sosial memori) pada 1925 dan diteruskan dengan sarjana seperti Pierre Nora dalam *Les Lieux de Memoire* (Tapak Memori) pada tahun 1984. Kolektif memori adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan pendekatan Olick iaitu mengatakan bahawa kolektif memori adalah satu tindakan yang memasukan faktor representasi kolektif (simbol, makna, naratif, dan ritual yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat), struktur budaya, dan kenangan individu yang secara peribadi dan terbentuk oleh sosial budaya (Olick, 2008: Brockmeier, 2015, Kiyai, 2021).



**Rajah 1:** Memori Manusia (Sumber: Misztal, 2003 dan Olick, 2008)

Setiap budaya yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban, iaitu warisan ketara atau warisan tidak ketara memiliki makna, nilai falsafah, adat dan pantang-larangnya tersendiri dan telah ditransisikan dan diceritakan selama bergenerasi secara kolektif memori. Menurut Misztal (2003) memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk iaitu, (i) Memori refleksi adalah merupakan ingatan peribadi seseorang yang melibatkan interaksi dengan orang-orang disekitarnya sehingga sulit untuk dilupakan oleh orang yang mengalami peristiwa tersebut. (ii) Memori generasi adalah memori yang diturunkan oleh suatu generasi yang lebih tua kepada generasi penerusnya atau generasi yang lebih muda sehingga memori tersebut terus hidup dalam budaya. Memori ini menyebabkan suatu peristiwa akan terus berlanjutan dan mengalami kemunduran sekiranya dilupakan dan (iii) Memori tradisi adalah satu ingatan yang statik, berorientasi pada masa lalu dan bersifat konservatif. Selain itu, ingatan tersebut adalah tahan terhadap perubahan dan sebagai alat untuk mengintergrasikan di antara masa lalu dan masa kini sehingga wujud perkembangan yang seimbang.

### **Pengumpulan Data**

Kaedah penyelidikan ini menggunakan pendekatan etnografi yang memfokuskan kepada ritual dan ritual *Beserara Bungai* dalam kitaran adat kematian masyarakat Iban di Sarawak melalui perspektif kolektif memori. Pengumpulan data bagi penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah utama iaitu temubual bersama-sama informan yang memfokuskan kepada kumpulan masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang di Rumah Bujang, Rantau Kiran dan Rumah Assan, Semena, Limbang Sarawak serta sekitar bandaraya Kuching, Betong dan Saratok. Proses pengumpulan data ini dijalankan secara berfasa dan mengambil masa kira-kira tiga bulan lebih, termasuklah proses mengumpul data, kerja lapangan, analisis data dan proses penulisan manuskrip.

Kaedah temubual telah dilakukan menggunakan persampelan bebola salji (*snowball sampling*) iaitu pemilihan informan adalah berdasarkan kepada dua kategori iaitu pemegang adat yang terdiri daripada kumpulan *Lemambang* (pendeta) dan *Tukang Sabak* (wanita yang meratapi kematian). Informan seperti *lemambang* dan *Tukang Sabak* dikatakan '*mabu antu*' (dekat dengan dunia ghaib), mereka ini berperanan sebagai pengantara utama dalam komunikasi masyarakat Iban dengan dunia ghaib dan mengetuai setiap ritual seperti *Begawai*, *Miring* dan *Nyabak bebua*. Manakala kumpulan kedua adalah merujuk kepada masyarakat Iban yang pernah menyaksikan, mengetahui dan memahami ritual *Beserara Bungai* melalui naratif memori mereka semasa di rumah panjang.<sup>5</sup>

Berikut adalah senarai nama informan yang telah dipilih sebagai sumber dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan ritual *Beserara Bungai*. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman mereka dalam ritual *Beserara Bungai*.

#### **Jadual 1: Senarai Informan**


<b>Informan Pakar</b>			
<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Catatan</b>
Datuk Seri Edmmund Langgu	83 tahun	Ahli politik yang bersara	Pakar rujuk dalam budaya Iban
Tan anak Kayan	75 tahun	Penghulu	Pakar rujuk dalam budaya Iban
Jimbun anak Tawai	77 tahun	Bekas penyelidik Majlis Adat istiadat Sarawak	Pakar rujuk dan pernah menulis buku tentang kebudayaan Iban
Buchaw anak Undan	83 tahun	<i>Lemambang</i> dan petani	Pernah terlibat dalam upacara Beserara Bungai
Biah anak Ngang	80 tahun	<i>Tukang Sabak</i> dan surirumah	Wanita yang melaksanakan adat menangis dalam kematian orang Iban
Bibiana Motey Senang	30 tahun	Pegawai penyelidik <i>Dayak Chair Foundation</i>	Penyelidik bertauliah yang mengkaji hal ehwal kebudayaan <i>Dayak di Dayak Chair Foundation</i>
<b>Informan di rumah panjang</b>			
Nicholas anak Ugik	34 tahun	Guru Sekolah	Arif dalam adat kematian Iban di Saribas
Jennifer Empiang anak Liman	30 tahun	Penyelidik dan pelajar <i>Master</i>	Berpengalaman dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan adat budaya Iban, khususnya tradisi oral Iban
Kiyai anak Uri	65 tahun	Petani	Penduduk di rumah panjang dan pernah menyaksikan ritual <i>Beserara Bungai</i>

Chermai anak Iri	65 tahun	Petani	Penduduk di rumah panjang dan pernah menyaksikan ritual <i>Beserara Bungai</i>
Gabi anak Uri	63 tahun	Petani	Penduduk di rumah panjang dan pernah menyaksikan ritual <i>Beserara Bungai</i>
Mat anak Minggan	79 tahun	Petani	Penduduk di rumah panjang dan pernah menyaksikan ritual <i>Beserara Bungai</i>
Rila anak Majang	39 tahun	Suri rumah dan pembimbing agama Kristian di rumah panjang Rantau Kiran	Penduduk di rumah panjang dan pernah menyaksikan ritual <i>Beserara Bungai</i> . Selain itu, beliau turut aktif dalam perkhidmatan agama Kristian sebagai pembimbing di rumah panjang

#### DAPATAN PENYELIDIKAN

Hasil cerapan mendapati bahawa terdapat empat elemen khas yang wujud dalam ritual *Beserara Bungai* dalam adat kematian Iban di Sarawak. Elemen ini adalah merupakan elemen yang penting dalam pengurusan adat Iban dan dianggap sakral kerana ia adalah bersangkutan pahut dengan sistem kosmologi masyarakat tersebut serta kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang terdiri daripada *Petara*, *Urang Panggau*, *Mensia* dan *Sebayan*. Kesemua elemen ini saling bergantung antara satu sama lain bagi menyeimbangi hubungan di antara

masyarakat Iban dan alam serta lingkungannya. Rajah 2 adalah merupakan pecahan kepada empat elemen tersebut yang terdiri daripada;



Rajah 2: Elemen dalam ritual *Beserara Bungai* ((Sumber: hasil dapatan data penyelidikan)

Pertama adalah adat yang memainkan peranan sangat penting iaitu berfungsi sebagai panduan kepada pengurusan dalam melakukan sesebuah ritual dari segi cerita lisan, pantang-larang dan nilai falsafah budayanya. Adat ini telah dijaga dan diwariskan secara turun temurun oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak dahulu lagi bagi memastikan anak cucu yang akan datang memahami dan patuh akan segala peraturan yang telah diamalkan oleh mereka sejak dahulu lagi. Tujuannya adalah agar selari dengan kepercayaan tradisional yang mereka anuti demi menjaga keseimbangan sistem kosmologi mereka dengan Tuhan dan dunia roh. Ini semua adalah untuk membentuk keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran bersama, baik itu adalah orang Iban atau makhluk dari alam ghaib. Kedua, adalah ritual iaitu merujuk kepada kearifan tempatan iaitu proses perlaksanaan sesebuah upacara yang dilihat sebagai proses yang sakral dan berkuasa (bergantung kepada tingkat kekuasaannya, seperti penyembuhan, pengusiran roh dan kematian) dan perlu



dilakukan dengan berlandaskan adat. Pelaksanaan dalam ritual hanya dikhususkan bagi individu tertentu yang mempunyai kepakarannya dan tinggi sifatnya daripada orang biasa. Golongan-golongan ini terdiri daripada kumpulan bijak pandai seperti *lemambang*, *tukang sabak* dan *manang* yang diakui kekuasaan dan anugerah mereka oleh komuniti dalam lingkungannya. Selalunya, golongan ini dipercayai mendapatkan anugerahnya daripada kuasa-kuasa luar biasa dan mampu berhubung dengan kekuasaan tersebut dalam melaksanakan hal ehwal yang berkaitan dengan alam roh. Ketiga adalah mantera iaitu tradisi lisan yang berfungsi sebagai saluran komunikasi yang menghubungkan dunia manusia dan alam roh. Bahasa yang digunakan sebagai mantera adalah diluar daripada bahasa harian yang sering digunakan oleh orang biasa, dan memiliki laras bahasa yang sangat tinggi serta cara pengucapannya adalah dengan melantungkannya dalam bentuk doa, syair dan lagu. Mantera ini berupaya menjadi petunjuk arah dan perlindungan kepada masyarakat Iban dalam proses pelaksanaan ritual untuk mengelakan mereka menerima unsur-unsur yang tidak baik dari alam roh. Terakhir adalah objek budaya yang berfungsi sebagai material budaya bagi tujuan medium pengantara, simbolik atau perlindungan dalam pelaksanaan ritual Iban. Selalunya, objek budaya ini dikisahkan dengan cerita-cerita yang sakral oleh orang tua Iban bagi mengangkat nilai-nilai budaya yang keramat dalam estetikanya demi memastikan pelaksanaan ritual tersebut berjalan dengan lancar, sempurna serta diberkati oleh Tuhan.

### ***BESERARA BUNGAI* DAN KOSMOLOGI IBAN**


*Beserara Bungai* adalah merupakan sebuah proses ritual dalam adat kematian Iban selepas berakhirnya upacara kematian di rumah panjang. Secara lesikalnya, perkataan *Beserara* bermaksud perpisahan, manakala *Bungai* adalah merujuk kepada bunga (yang mewakili roh manusia) iaitu “Perpisahan Bunga”. Bunga dalam makna yang tersirat adalah merujuk kepada roh orang yang telah mati dan telah berpisah secara jasad, keluarga, suami, isteri, anak-anak, saudara mara, serta

sahabat handai. Menurut informan Biah Ngang (80 tahun) ritual *Beserara Bungai* akan diadakan selepas beberapa minggu setelah kematian si mati dengan tujuan untuk memisahkan individu atau keluarga yang masih hidup dengan ahli kerluarga mereka yang telah meninggal dunia. Masyarakat Iban percaya bahawa setiap daripada mereka yang meinggal dunia, maka rohnya akan kembali ke *Batang Mandai* atau disebut sebagai *Sebayan* dan hidup bersama-sama dengan roh nenek moyang mereka yang telah lama meninggal dunia.

Umumnya, alam adalah merujuk kepada kawasan yang luas dan tidak memiliki penghujung yang jelas. Geografi fizikal alam sekitar adalah meliputi kawasan gunung-ganang, tanah datar, tanah tinggi, lautan dan langit. Bagi masyarakat Iban, alam mempunyai ruangan yang kompleks, mereka memahami bahawa alam ini mempunyai beberapa lapisan dan diduduki oleh heriarki yang bersangkut pahut dengan idea kosmologi Iban. Setiap lapisan ruangan alam di duduki oleh heriarkinya yang sendiri, seperti lapisan atas iaitu merujuk kepada langit diduduki oleh Tuhan dan berlanjutan sehinggalah kepada alam yang terakhir iaitu tempat yang menjadi tujuan roh manusia selepas kematian. Perkara ini sangat jelas bahawa pengaruh alam berperanan penting dalam memobilisasikan intelektual dan citra budaya masyarakat Iban iaitu “alam membentuk manusia, manusia membentuk kebudayaan” dari konteks warisan ketara dan tidak ketara, khususnya ritual *Beserara Bungai*.

Berdasarkan kepada kepercayaan tradisional Iban, menurut informan *Lemambang Buchaw* (83 tahun) dunia kosmologi mereka adalah terbahagi kepada tujuh lapisan iaitu meliputi dunia bawah tanah, dunia dalam lautan, dua lapisan dunia manusia dan tiga lapisan dunia kayangan. Berdasarkan kepada kefahaman tersebut mengatakan bahawa dunia bawah tanah adalah di diami oleh masyarakat Iban yang telah meninggal dunia, dunia *mensia* (manusia dan haiwan), dunia atas iaitu merujuk kepada semangat dan roh nenek moyang, dan dunia yang paling atas

adalah merujuk kepada *Petara*. Kosmologi Iban adalah didasari oleh agama dan kepercayaan nenek moyang mereka dan telah diwarisi secara turun temurun. Rajah 3 adalah merupakan tata susun dunia dalam kosmologi Iban berdasarkan kepada kepercayaan dan tradisi lisan masyarakat peribumi tersebut.




**Rajah 3:** Tatasusun kosmologi Iban (Sumber: hasil temubual bersama kumpulan informan dan pakar rujuk budaya Iban).

Dalam tatasusun ruangan kosmologi Iban, menurut informan Jimbun Tawai (77 tahun) bahagian yang paling atas iaitu merujuk kepada langit adalah didiami oleh para *Petara* (tuhan) yang berkuasa mutlak kepada dewa-dewi, manusia dan orang yang telah mati. Bahagian lapisan kedua adalah diduduki oleh dewa-dewi Iban yang disebut sebagai *Panggau Libau*. perkataan "*Panggau*" dalam Bahasa Iban adalah merujuk kepada tempat yang tergantung, terapung serta tidak menyentuh tanah dan langit. Manakala, bahagian tanah adalah didiami oleh *mensia* iaitu merujuk kepada masyarakat Iban serta hidupan seperti binatang dan tumbuhan

yang hidup disekeliling mereka. Manusia serta flora dan fauna diciptakan untuk hidup bersama agar saling melengkapi antara satu sama lain iaitu sebagai sumber penghidupan, kearifan tempatan dan peliharaan. Bahagian yang paling bawah sekali adalah *Menua Sebyan* atau disebut dengan pelbagai nama iaitu *Batang Mandai* atau *Mandai Jenuh* yang didiami oleh *antu* (semangat/roh) serta roh nenek moyang yang telah lama meninggal dunia.

### **PROSES ADAT KEMATIAN IBAN**

Menurut informan Nicholas Ugik (34 tahun) dalam adat kematian masyarakat Iban terdapat beberapa proses yang harus dilaksanakan dalam menguruskan kematian di rumah panjang. berdasarkan kepada sumber lisan masyarakat Iban di Saribas, masyarakat Iban sangat sensitif dan memandang tinggi dalam melaksanakan proses kematian di rumah panjang adalah berawal daripada jerita tuai (cerita rakyat) *Bejie Nangga Hari* (Bejie ke langit). Kisahnya bermula apabila seorang lelaki Iban bernama Bejie bersama-sama saudaranya iaitu Bada telah diperintahkan oleh Raja Semarugah mendirikan sebuah rumah panjang dengan tujuan menyatukan sahabat handai mereka menjadi sebuah komuniti. Masyarakat Iban telah diajar oleh *Puntang Raja* (dewa) ilmu pengetahuan untuk terus bertahan hidup dan beranak pinak membentuk komuniti Iban seperti pada hari ini, termasuklah menguruskan kematian yang berlaku di rumah panjang. Rajah 4 adalah merupakan proses adat dan peringkat dalam menguruskan kematian masyarakat Iban.



**Rajah 4:** Proses Adat Kematian Iban di Sarawak (Sumber: hasil temubual bersama kumpulan informan dan pakar rujuk budaya Iban)

Berdasarkan kepada Rajah 4, adat kematian di rumah panjang akan dimulakan dengan adat *Nyengaie pemati* atau *Nyengaie Antu*. Menurut informan Jeniffer Empiang Liman (30 tahun) berdasarkan kepada pengalamannya membesar di rumah panjang mengatakan apabila berlakunya kematian di rumah panjang, gong akan dibunyikan bertalu-talu sebagai tanda dan simbolik berlakunya *brita tusah* (perkhabaran duka), bagi masyarakat Iban yang berada di kebun, akan segera pulang ke rumah panjang sebagai tanda menghormati. Amalan ini telah dilakukan turun-temurun oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Sementara itu, di rumah panjang jenazah yang baru meninggal akan di usung ke *ruai* tengah setelah

dimandikan dan dipakaikan pakaian terakhirnya. Laluan pintu masuk utama iaitu kepala tangga akan diapit menggunakan lesung kayu untuk mengelakkan semangat jahat masuk ke dalam rumah, dan akan terdengar suara tangisan sebagai tanda meratapi si mati yang telah meninggal. Bagi kepercayaan Iban di Saribas dan Skrang, tenunan *pua kumbu* akan digantungkan di tengah-tengah ruai keluarga si mati sebagai *Sapat* (pemisah) iaitu untuk tujuan petanda baya pandang (tanda berlakunya kematian di rumah panjang), supaya mayat tidak dimasuki binatang peliharaan (kucing dan anjing) serta simbolik kepada pemisah dunia orang yang hidup dan orang mati.<sup>6</sup> Selama tiga hari dua malam tersebut, jenazah akan diletakkan di *ruai* (ruangan depan rumah) bagi memberikan peluang kepada sahabat handai yang dekat mahupun jauh datang ke rumah panjang untuk memberikan penghormatan kepada si mati.

Malam terakhir iaitu malam kedua sebelum si mati dikuburkan ke *Pendam* (kuburan), *Tukang Sabak* (*the crying ladies*) akan dijemput untuk menjalankan upacara *Sabak Bebuah* (ratapan tangisan yang dikhususkan dalam adat kematian Iban) bagi tujuan memimpin roh si mati dengan selamat ke dunia *sebayan* (dunia akhirat), namun sebelum upacara *Sabak bebuah* dijalankan, *lemambang* akan menimbangkan mantera terlebih dahulu bagi memberkati upacara tersebut agar berjalan dengan lancar dan melindungi semua penghuni dalam rumah panjang agar tidak terkena *alah ayu* (lemah semangat). Menurut informan Biah Ngang (80 tahun) beliau yang dahulunya merupakan *Tukang Sabak* mengatakan perjalanan spiritual menghantar si mati ke dunia *Sebayan* (dunia akhirat) adalah amat mencabar dan penuh liku, setiap bait-bait yang dilagukan oleh *Tukang Sabak* dalam *Sabak Bebuah* adalah menceritakan perjalanan si mati sehingga ke *Andau titi Rawan* (perhentian terakhir di dunia *Sebayan*). Oleh itu, adalah penting peranan *Tukang Sabak* dalam membantu roh si mati berjalan dengan tenang dan lancar. Menurut kepercayaan Iban, roh si mati akan diambil oleh kupu-kupu berwarna putih yang akan menjemputnya di hadapan pintu rumah bagi meneruskan

perjalanannya ke dunia *Sebayan* yang lebih dalam. Terdapat dalam bait *Sabak bebuah* yang terakhir menyebut “*Kesulai terbai ngambi nuan pulai*” (Terjemahan: kupu-kupu terbang, mengambil si mati untuk pergi).

Selepas menjelang subuh sebelum terbitnya matahari, jenazah si mati akan dipersiapkan untuk dikuburkan di *Pendam* (kuburan). Menurut informan Mat Minggan (79 tahun) jenazah si mati perlu dibawa ke kuburan lebih awal, agar tidak mendengar bunyi *burung jangka* (petanda yang tidak bagus untuk keselamatan di rumah panjang). Lelaki Iban yang selalunya terdiri dari kerabat dekat si mati akan diberi tanggungjawab untuk mengalas keranda ke kuburan. Menurut cerita orang tua Iban, semasa keranda tersebut diangkat ke luar rumah para *Sebayan* (roh) bersorak-sorai menyambut kedatangan saudara baharu mereka, sehingga keranda yang dibawa menjadi berat kerana roh *Sebayan* duduk berpahut di keranda tersebut. Selepas balik daripada *Pendam* (kuburan), semua yang mengikuti ke kuburan akan diberikan gensenan (azimat) iaitu sebiji telur ayam mentah yang ditebuk lubang tengah dan isinya yang mentah akan dioleskan di bahagian kening. Tujuannya adalah untuk melindungi rumah panjang daripada membawa unsur-unsur tidak baik dari tanah perkuburan. Semua yang terlibat di kuburan tadi di haruskan mandi untuk membuang sisa-sisa dari tanah kuburan agar tidak masuk ke dalam rumah panjang.

Pada sebelah petang (kira-kira dalam jam 3 sehingga jam 5), ahli keluarga si mati akan *Nungkun Api* iaitu menghantar api beserta dengan makanan ke kuburan. Menurut informan Chermai Iri (65 tahun) berdasarkan kepada ingatan masa kecilnya, mengatakan “*dulu urang kelia, sigi maya silau ari nungkun api enggau nganjung asi. Mayuh meh cerita sida ke tuai, bisi meda utai nyelai ba pendam benung nanjung tunkun api*”.<sup>7</sup> Sampai sahaja di kuburan, keluarga si mati akan meletakkan api dan makanan tersebut lalu berdoa dengan mengatakan “*Nya pemakai di sanu, pulai meh nuan badu agi ngeregau kami ka agi idup. Kitai nyau*

*lain pemakai enda semenua agi*".<sup>8</sup> Pada sebelah malamnya, seluruh penduduk di rumah panjang akan berkumpul *berandau* (mesyuarat) di *ruai* (ruang depan rumah) keluarga di mati untuk menentukan berapa lama tempoh *Ngulit* (berkabung) dan siapa yang akan mengetuai *Ngetas Ulit* (individu yang pertama akan membuang ulit, untuk menamatkan tempoh berkabung di rumah panjang). Pemilihan tersebut tidak dilakukan secara sesuka hati, hanya mereka yang berusia sahaja dibenarkan dan mempunyai hubungan yang jauh dengan keluarga si mati. Begitu juga dengan *Muai Antu Balu* (adat perpisahan orang meninggal yang telah berkahwin) iaitu sebuah adat yang tertaluk kepada pasangan yang telah berkahwin dengan tujuan untuk memisahkan mereka dari dunia orang yang hidup dengan dunia orang yang telah meninggal dunia. Individu yang layak untuk memisahkan mereka adalah terdiri daripada kerabat terdekat dan berlawanan jantina. Sekiranya si suami yang meninggal, maka ipar duai dari belah isteri akan *Muai Antu Balu* dan begitu juga sebaliknya.

Menurut informan Penghulu Tan Kayan (75 tahun) dahulu selepas berakhirnya upacara kematian di rumah panjang, masyarakat Iban akan mengadakan hari berkabung yang disebut sebagai *Ngulit* selama sebulan. Sepanjang tempoh berkabung tersebut upacara yang melibatkan perayaan dan perkahwinan tidak akan dibenarkan bagi menghormati ahli keluarga si mati. Sepanjang tempoh berkabung tersebut, mereka tidak dibenarkan untuk membuat bising, bernyanyi, memainkan alat muzik atau berselisih faham. Sesiapa yang didapati mengingkari peraturan adat di rumah panjang, maka mereka akan di denda dengan *Adat Tunggu*<sup>9</sup> Sebagai simbolik untuk menandakan hari berkabung, mereka akan dipakaikan kain hitam yang digunting segi empat dan dilekatkan di bahu baju dan akan dibuang semasa hari *Ngetas Ulit*.

Namun, sebelum melakukan upacara *Ngetas Ulit* iaitu hari berakhirnya berkabung, masyarakat Iban diharuskan untuk mengadakan ritual *Beserara Bungai* terlebih



dahulu bagi memisahkan ahli keluarga yang masih hidup dengan si mati. Menurut informan Datuk Seri Edmmund Langgu (83 tahun) adalah *mali*<sup>10</sup> untuk masyarakat Iban yang masih hidup tinggal bersama-sama dengan roh yang telah mati dalam rumah panjang. Perkara ini akan menyebabkan rumah panjang ditimpa malang, tidak harmoni kerana roh orang yang telah mati berupaya menyalurkan tenaga yang negatif dan boleh menyebabkan penyakit kepada penduduk dan hasil tanaman mereka di rumah panjang. Perkara ini turut disebut oleh Tugang dalam bukunya *Pua: Identiti dan Budaya Masyarakat Iban* yang mengatakan bahawa, roh-roh orang yang telah mati akan menjemput antu dan semangat yang tidak baik ke dalam rumah panjang serta boleh mencetuskan suasana yang tidak baik untuk kehidupan masyarakat Iban (Tugang, 2014).

Menurut informan Kiyai Uri (65 tahun) dalam kepercayaan adat kematian Iban, terdapat dua jenis erti kematian iaitu *mati sakit* dan *mati nanjar*. Bagi individu yang sakit tenat, roh mereka dipercayai telah dahulu kembali ke *Batang Mandai* dan mereka redha serta ikhlas akan perpisahan bersama-sama dengan ahli keluarga yang masih hidup, namun perkara ini berlainan dengan orang yang *mati nanjar* (mati mengejut dan secara tiba-tiba), roh mereka tidak redha dengan pemergiannya kerana belum bersedia untuk berpisah dengan ahli keluarga dan sahabat handai di rumah panjang. Roh ini selalunya sangat degil dan susah untuk diputuskan dengan ahli keluarganya semasa proses adat *Beserara Bungai*. Semangat mereka akan berpahut di kaki dan baju *Manang* (Shaman) merayu-rayu untuk tidak dipisahkan. Menurut informan Gabi Uri (63 tahun) orang yang *mati nanjar* dipercayai bahawa rohnya telah diperolehi oleh *Antu Ngasu*. *Antu ngasu* adalah merujuk kepada hantu yang beburu untuk mencari makanan, terutamanya semasa hujan gerimis. Dalam kepercayaan Iban, *Antu* melihat bahawa masyarakat Iban ini seperti khinzir dan menjadi sumber makanan mereka. Bagi mengelakkan diri menjadi mangsa *Antu Ngasu*, selalunya masyarakat Iban akan menggunakan *engkerabun* (sejenis minyak azimat) dan tangkal, namun sekiranya mereka berada di luar rumah panjang

terutamanya semasa hujan gerimis, maka sejenis tumbuhan rumput akan diselitkan di sisi telinga bagi tujuan melindungi diri.

### **PERLAKSANAAN RITUAL *BESERARA BUNGAI***

Peranan *Manang* (shaman) sangatlah penting sebagai medium pengantara dan perlaksanaan ritual *Beserara Bungai* melalui *leka Pelian*. *Manang* dipercayai memiliki ilmu deria penglihatan keenam yang dianugerahi oleh *Antu* (roh) melalui mimpi serta ilmu yang dipelajari dan mampu berkomunikasi dengan dunia *Sebayan* (dunia orang mati). Menurut informan Chermay Iri (65 tahun) beberapa hari sebelum *Ngetas Ulit* (berakhir adat berkabung), ahli keluarga si mati akan mencari *Manang* terlebih dahulu untuk menjalankan ritual tersebut. Selalunya, *Manang* yang ditanya akan melihat hari senangnya berdasarkan kepada *adat beburung* Iban, sekiranya beliau memiliki firasat yang tidak baik maka *Manang* tersebut akan menolak untuk melakukan ritual *Beserara Bungai*, namun sekiranya tidak terdapat halangan, maka *Manang* akan menetapkan jumlah *Genselan* (upah) yang harus dibayar oleh keluarga si mati. *Genselan* bagi *Manang* akan dibayar menggunakan wang ringgit, tembikar, duku ilang dan pua kumbu berdasarkan kepada status si mati. Sekiranya si mati adalah pahlawan Iban atau golongan berada, maka jumlah upahnya akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan orang biasa.

Menurut informan Nicholas Ugik (2021) berdasarkan kepada ingatannya dalam cerita orang tua-tua Iban di Ulu Layar terdahulu mengatakan *Manang* yang melakukan ritual *Beserara Bungai* tidak boleh terlalu kerap melakukan ritual tersebut (*bejarit ari*). Tugas *Manang* sebagai pengantara di antara dunia orang Iban dan dunia *Sebayan* akan membahayakan *semengat nya* (roh). Mereka takut sekiranya terlalu kerap melaksanakan upacara tersebut secara berturut-turut akan menyebabkan roh mereka *alah ayu* (tidak panjang umur) kerana menurut cerita


lisan di Saribas, orang di *Sebayan* akan mengenali mereka dan berusaha untuk membawanya ke dunia *Sebayan*. Selain itu, *Manang* selalunya akan menolak sekiranya si mati adalah dari kaum kerabatnya, kerana mereka mengelak untuk berjumpa dengan roh-roh sanak saudara yang telah meninggal agar tidak merasa hiba dan pilu. Menurut informan Chermay Iri (65 tahun) berdasarkan kepada cerita orang tua-tua Iban dahulu, saudara-mara yang telah meninggal dunia (termasuk roh orang yang telah mati yang serumah) akan datang ke rumah panjang semasa berlangsungnya ritual *Beserara Bungai* kerana pada malam tersebut semua roh-roh orang yang telah mati akan diberikan makanan dan jamuan.



**Gambar 1:** *Manang* bersedia dalam ritual *Beserara Bungai* (Sumber: Kerja Lapangan di Rantau Kiran Limbang, 2021)

Gambar 1 adalah merupakan persediaan *Manang* (shaman) sebelum ritual *Beserara Bungai*. Selalunya ritual *Beserara Bungai* akan diadakan pada sebelah petang selepas makan malam iaitu kira-kira jam 8 petang. Pelaksanaan ritual akan dimulakan dengan mengadakan ritual *belian* bagi berdoa agar proses ritualnya berjalan dengan lancar. Doa tersebut adalah disebut sebagai *leka pelian Beserara Bungai* iaitu sebuah mantera yang dikhususkan untuk upacara perpisahan dengan orang yang telah mati. Semua tetamu termasuklah ahli keluarga, saudara-mara, sahabat handai dan kenalan akan duduk mendepani *Manang*. Mereka percaya bahawa semua perbuatan yang dilakukan oleh *Manang* adalah baik dan benar

belaka. Sebelum memulakan upacara, *Manang* akan mengumpulkan seluruh ahli keluarga si mati lalu meminta pakaian yang pernah digunakan oleh si mati semasa hidupnya. Kemudiannya, pakaian tersebut akan digantungkan di tempat yang disediakan oleh *Manang* iaitu sebuah tempayan kecil lalu dimasukan batang buluh atau daun pisang di dalamnya. Di dalam tempayan tersebut turut diletakkan dua tangkai bunga iaitu bunga telasih (*Qcimum sanctum*). Bunga telasih ini adalah merupakan sebuah lambang kepada kehidupan di dunia *Sebayan*. Kemuncak dalam upacara ritual *Beserara Bungai*, bunga tersebut akan dipatahkan atau dipotong menggunakan parang sebagai tanda perpisahan. Manakala, tempayan yang digunakan sebagai simbol pagar api adalah bertujuan untuk menjadi pelindung dan penjaga kepada *Manang* yang menjalankan ritual *belian* dan seluruh penduduk di rumah panjang daripada terkena unsur-unsur negatif dari alam *Sebayan*.



**Gambar 2:** *Manang* (shaman) sedang melakukan ritual *Beserara Bungai*  
(Sumber: kerja lapangan dan ehsan daripada Bibiana Motey, 2021)

### ***BELIAN BESERARA BUNGAI***

Dalam memulakan upacara *belian Beserara Bungai*, sebiji bakul yang dikenali sebagai *timpa* akan diletakkan dibawah *para tempuan* (dapur kayu). Dahulu, rumah masyarakat Iban adalah jenis yang bergantung dan menggunakan dapur kayu untuk memasak. Kemudian batang daun ubi akan diletakkan di tiang para dapur sebagai tempat untuk meletakkan makanan yang akan diberikan kepada orang yang telah

mati. Selepas itu, *manang* akan memulakan ritual *nyungkit semangat* untuk mengasingkan roh orang yang hidup dan orang yang telah mati di abu dapur keluarga si mati. Semasa ritual itu, ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai tidak disuruh berada berdekatan. Mengikut cerita orang tua-tua Iban, semasa ritual tersebut pelbagai jenis hantu akan berkeliaran, ada yang digambarkan *belabung dilah* (lidah panjang), *mata mesai terung kangan* (besar biji mata), *pending mesai chapen* (telinga besar), *idung mesai letan* (telinga besar), dan *betis mesai putan* (betis yang besar).<sup>11</sup>

Semasa upacara ini, *manang* akan membuang pelbagai jenis makanan seperti nasi, lauk, buah-buahan dan air tuak untuk diberikan kepada roh si mati yang ditemani oleh para hantu datang mengambil nasi. Menurut kepercayaan *Manang*, sekiranya si mati adalah orang yang baik-baik sahaja, maka antu yang baik akan menemaninya, namun sekiranya si mati adalah tidak baik sifatnya, maka roh beliau akan ditemani oleh hantu yang jahat. Sepanjang ritual *Beserara Bungai* dilangsungkan, penduduk di rumah panjang tidak dibenarkan keluar dari rumah, kerana roh dan hantu sedang berkeliaran di luar rumah menunggu untuk diberikan jamuan makanan.

Pemberian nasi atau *ngambi asi* tersebut adalah sebagai simbolik untuk makanan terakhir dan tanda perpisahan si mati dengan seluruh penduduk di rumah panjang. Selalunya, roh orang yang tua dan sakit mudah untuk diuruskan berbanding dengan roh orang yang mati muda kerana roh beliau tidak ingin pergi dan berpahut di betis *manang* memohon untuk tidak dipisahkan. Dalam perkara ini, *manang* selalunya akan meminta upah yang tinggi kerana prosesnya adalah sangat sukar. Selalunya *manang* dapat melihat kesihatan dan roh orang Iban melalui *pun bungai*, roh orang hidup adalah digambarkan berwarna putih, manakala roh orang mati adalah berwarna merah. Selepas berakhirnya, proses *Beserara Bungai*, *manang* akan mencuci muka dan duduk bercerita dengan ahli keluarga dan tetamu yang datang

tentang perjalanannya dengan si mat dan para hantu semasa melakukan ritual tersebut.

### ***BELIAN NGEMPUNG SEMENGAT***

Menurut informan Chermai Iri (2021) dalam melakukan ritual *Beserara Bungai*, beberapa buah artifak budaya Iban akan digunakan untuk melengkapkan pelaksanaan ritual tersebut. Pertama, *tikar bemban* kecil yang dikenali sebagai *tikai perau* akan dihamparkan di *ruai*. Di atas tikar tersebut akan didudukkan tembikar kecil iaitu *kebuk*. Dalam *kebuk* akan disimpan *sangkuh* (tombak) dan mata tombak akan dicucuk dengan potongan jagung bagi mengelakkan matanya yang tajam terkena tangan *Manang* semasa melakukan upacara. Selepas itu, daun pisang akan dilekatkan di atas tiang tombak tersebut. Terakhir, *Manang* akan mengeluarkan *lupung manang* (kotak perubatan tradisional), dua buah besi, beras disimpan dalam pinggan dan azimat-azimat *manang*. Kesemua artifak ini akan ditutup menggunakan *pua kumbu*. Pada masa yang sama, *piring* (persembahan yang berisi makanan) yang disebut sebagai *melah dekuh* (iaitu terdiri daripada pinang, *kirai*, *setupat* yang disimpan dalam *kebuk*) akan disediakan oleh perempuan yang berusia dan sihat tubuh badannya. Tujuannya adalah untuk *Manang* memanggil 'hyang' iaitu *semangat manang* tersebut. Beberapa hari, sebelum *manang* melakukan ritual *Beserara Bungai*, adalah diwajibkan seluruh penduduk rumah panjang untuk melakukan *ari diau* (berehat). Segala bentuk aktiviti yang dilarang seperti menyimpan beras, tidak boleh menebang buluh dan umbut, tidak boleh membawa tumbuh-tumbuhan seperti paku, daun ubi dan makanan yang hidup akan dielak untuk dilakukan sehingga menjelang tempoh pelaksanaan ritual *Beserara Bungai* kerana takut akan merosakkan *pagar api* yang telah disediakan oleh *Manang*. *Pagar api* adalah berfungsi untuk menjaga keselamatan *Manang* dan seluruh rumah panjang yang telah diberkati dengan *Piring* sebelum bermulanya upacara.



**Gambar 3:** Artifak yang digunakan oleh *Manang* dalam ritual *Beserara Bungai* (Sumber: Kerja lapangan dan koleksi Muzium Sarawak)

Selepas semua artifak tersebut dikeluarkan, maka bermulalah ritual *Belian Serara Bungai*. *Leka Pelian* (mantera) akan dilantunkan dan *manang* akan menghadap pagar api yang telah disediakan. Selepas alunan *leka pelian* habis dinyanyikan, maka *manang* akan memberitahu semua tetamu yang datang untuk *Makai Salau*. *Makai salau* adalah merupakan acara makan tengah malam selepas *manang* habis menyanyikan *pelian serara bungai*. Tujuannya adalah untuk menjamu kehadiran tetamu yang datang dan terlibat dalam proses pelaksanaan ritual *Beserara Bungai* di rumah keluarga si mati. Ini adalah sebagai suatu bentuk penghargaan kepada semua yang hadir membantu secara langsung dan tidak langsung dalam upacara tersebut. Makanan tersebut telah disediakan oleh kaum perempuan awal sebelum ritual *Beserara Bungai* dilakukan. Selalunya, selepas *makai salau*, masyarakat Iban yang lain akan mengambil kesempatan untuk *bersudi* (menggunakan azimat *manang* untuk melihat keadaan mereka menggunakan batu ilau dan pua kumbu). Teknik *bersudi* adalah dilakukan dengan cara meletakkan *batu ilau* dalam pinggan seramik kemudian dituangkan air, sekiranya orang tersebut memiliki penyakit dan keadaan yang tidak bagus maka *manang* dapat mengesan penyakitnya melalui *Batu*

*Ilau*. Selain itu, sekiranya pesakit mempunyai mimpi rawan seperti mimpi tanah runtuh, *manang* akan memberikan penawar: *nemu numbak tanah tusur, mimpi anyut laban ai, manang nemu naanchang*. Tujuannya adalah untuk melindungi orang tersebut daripada nasib yang buruk.<sup>12</sup>


Keesokan harinya, selepas berakhirnya malam ritual *besserara bungai*, *manang* akan membuka *pagar api* yang telah disediakan sebelumnya. Artifak yang terdapat dalam *pagar api* tersebut telah diambil dan dihantar ke bilik keluarga si mati. Manakala, daun pisang yang telah digunakan semalam akan dihanyutkan di sungai. Tujuannya adalah untuk membuang segala unsur-unsur negatif dari terus menyebar di rumah panjang. Kemudian, barulah *manang* akan diberikan upah oleh keluarga si mati. Upah tersebut terdiri daripada ayam kampung, parang besi, duit RM 30 ringgit, seramik kecil, pinggan seramik dan dua helai *pua kumbu*. Sebelum balik, *manang* akan meninggalkan pesan kepada keluarga si mati untuk tidak menerima tetamu dan membawa sayur-sayur hidup selama tiga hari bagi menjaga *pagar api* untuk tidak terbuka. Pintu rumah harus dibentangkan dengan kain *pua kumbu* sebagai tanda bahawa keluarga tersebut sedang dalam pantang.

## **PERBINCANGAN PENYELIDIKAN**

Kedatangan Brooke ke Sarawak lewat abad Ke-19 telah memberikan suatu dimensi baharu dalam perubahan landskap budaya masyarakat peribumi, amnya dalam pengamalan nilai-nilai kepercayaan tradisional termasuklah ritual *Beserara Bungai*. Penyebaran agama Kristian yang dibawa masuk melalui mubaligh-mubaligh dan pembangunan sekolah yang berteraskan agama telah memberikan impak dalam modifikasi ritual masyarakatnya. Sebelum agama Islam dan Kristian menyebar dengan meluas di Pulau Borneo, masyarakat peribumi di Sarawak khususnya orang Iban mempunyai pandangan yang tersendiri akan kepercayaan mereka terhadap sistem dunia. Prinsip dan falsafah budaya dalam kepercayaan



masyarakat Iban yang memahami dan menyakini bahawa mereka sangat dekat dengan alam ghaib iaitu *Antu* dan roh. Perkara ini sangat jelas dilihat dalam konteks lisan masyarakat peribumi tersebut yang mengatakan bahawa “*Antu ba baruh dagu*”.<sup>13</sup> Melalui penyelidikan ini, telah dikenalpasti modifikasi budaya yang telah berubah dalam konsep dan idea adat kematian Iban, khususnya ritual *Beserara Bungai* seperti pada Rajah 5.



Rajah 5: Modifikasi ritual *Beserara Bungai* (Sumber: hasil dapatan penyelidikan daripada kerja lapangan)

Pertama adalah modifikasi ideologi masyarakatnya tentang kemana perginya roh orang Iban apabila telah meninggal dunia. Dalam kontek akhirat tradisional Iban, berdasarkan kepada *pengarap lama* tidak dinyatakan tentang konsep penghukuman dan penebusan dosa. roh Iban yang telah meninggal akan ditempatkan berdasarkan kepada sifat dan amalan mereka semasa masih hidup. Contohnya, orang yang mati bunuh diri akan ditempatkan bersama-sama dengan jiwa-jiwa yang telah membunuh diri, manakala roh yang baik semasa hayatnya akan ditempatkan bersama-sama dengan orang yang baik-baik sahaja. Bagi roh untuk orang bijak pandai seperti *Manang* akan kembali ke Bukit Rabung, iaitu puncak bukit yang tinggi terletak di tebing Batang Ketugau dan berhampiran

dengan Batang Kapuas Kalimantan, Indonesia. Bukit ini digambarkan sangat curam dan sukar untuk dinaiki oleh manusia biasa kecuali *Manang* yang telah disumpah oleh *Antu*. Konsep tradisional Iban ini amatlah jelas berbeza dengan kefahaman agama Kristian, yang mana telah mengwujudkan idea akan adanya hari pengadilan bagi penganutnya kelak semasa di akhirat iaitu konsep neraka dan syurga. Orang yang telah mati akan diadili berdasarkan kepada perbuatan mereka semasa hayatnya bagi menentukan dimana tempat mereka selepas meninggal kelak. Pernyataan ini adalah dirumuskan oleh penyelidik setelah mendengar penjelasan yang diberikan oleh informan (Informan Helga Chermay, Kiyai Uri dan Datuk Sri Edmmund Langgu yang ditemubual dalam mendapatkan data penyelidikan ini).

Modifikasi ini turut melihat peranan *Manang* sebagai orang yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan adat kematian Iban, amnya ritual *Beserara Bungai* di rumah panjang yang semakin mundur dalam kepercayaan masyarakatnya. Masyarakat Iban yang telah menzahirkan diri mereka sebagai penganut yang taat dengan agama Kristian, telah mengalih fungsi *Manang* dengan memanggil paderi untuk menyempurnakan urusan kematian. Peranan paderi dilihat lebih relevan dan diperlukan berbanding dengan *Manang* kerana mereka telah ditekankan dengan pemahaman baharu bahawa apabila telah memeluk agama Kristian, maka amalan *animisme* haruslah ditinggalkan kerana dilihat syirik dan bercanggah dengan konsep anutannya. Ini jelas dilihat apabila seseorang tersebut telah menyatakan ikrar kesanggupannya dan ketaatannya kepada agama Kristian melalui upacara pembaptisan dan pemantapan rohani melalui sakarmen penguatan untuk tidak menduakan Tuhan dan menerima kekuasaan Kristus.<sup>14</sup> Pendapat ini di sokong oleh temubual informan iaitu Rila Majang (39 tahun) yang mengatakan bahawa jenazah orang Kristian itu harus diuruskan oleh paderi melalui upacara bacaan doa bagi menghantar jiwa-jiwa mereka ke syurga untuk bersama dengan Allah Bapa Yang Maha Kuasa (merujuk kepada Tuhan yang satu dan Nabi Isa)

dan bukannya dihantar ke dunia *Sebayan* seperti yang dinyanyikan oleh *Tukang Sabak* melalui bait-bait *Sabak Bebuah*. Kini, jumlah *Manang* yang masih mengamalkan ritual tradisi masyarakat Iban adalah sangat kurang dan hanya diteruskan oleh golongan yang tua sahaja, tiada lagi legasi daripada orang muda yang berminat untuk meneruskan kerjaya tersebut. Perkara ini telah mengancam kepada kemunduran dalam pelbagai aspek budaya Iban seperti kearifan tempatan dalam ilmu dan kepupusan pelaksanaan ritual yang berkaitan dengan *Manang*.

Konsep dalam ajaran Kristian tersebut turut memberi impak kepada modifikasi ritual dan pelaksanaan adat dan ritual dalam kematian orang Iban. Pada masa dahulu, tempoh berkabung dalam adat kematian Iban itu akan berlangsung selama satu bulan di rumah panjang bagi menghormati si mati. Tempoh ini telah ditetapkan oleh *Tuai Rumah* (ketua kampung semasa dalam *aum* (mesyuarat) bagi mendapatkan tempoh untuk berkabung di rumah panjang. Ini adalah penting untuk diputuskan tempoh berkabung kerana mempengaruhi aktiviti harian mereka di rumah panjang. Kini, apabila masyarakat Iban telah memeluk agama Kristian, tempoh tersebut telah dipendekkan menjadi satu minggu atau dua minggu sahaja. Penetapan tempoh ini adalah bergantung penuh kepada keputusan *Tuai Rumah* (ketua kampung) dalam *aum* (mesyuarat) dengan mengambil kira beberapa faktor di rumah panjang tersebut. Selain itu, ritual *sabak bebuah* dan *beserara bungai* bukanlah sebuah adat yang mandatori lagi sebagaimana yang harus dilakukan oleh nenek moyang mereka dahulu. *Mantera* -*mantera* tradisional yang dilafazkan oleh *Manang* kepada alam gahib telah berubah fungsi kini dengan melakukan pelaksanaan upacara sembayang arwah selama 40 hari oleh paderi atau membaca doa rosari setiap 10 malam bagi memohon keberkatan si mati daripada Bunda Maria. Selain itu, penggunaan artifak budaya seperti *pua kumbu*, tembikar dan parang Iban hanyalah sebagai simbol sahaja dan tidak memiliki makna yang signifikan sebagaimana asal usul kepercayaannya terdahulu yang bertujuan

sebagai objek pengantara dan medium pelindung kepada Manang semasa melakukan ritual *Beserara Bungai*.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, adat dalam ritual *Beserara Bungai* telah disimpan secara kolektif dalam bank memori masyarakatnya selama bergenerasi dan diwarisi secara turun-temurun. Penyimpanan dan pengekalan ritual *Beserara Bungai* adalah merupakan kearifan tempatan masyarakat Iban dalam mencetuskan ideologi peribumi yang berhubung, terinspirasi dan menghargai keseimbangan di antara alam manusia dengan alam sekitar serta alam ghaib seperti mana yang terzahir dalam kepercayaan tradisional nenek moyang mereka. Selain itu, adat dalam ritual *Beserara Bungai* ini adalah salah satu cara bagi masyarakat Iban memberikan penghormatan, penghargaan dan menzahirkan kenangan mereka dengan si mati semasa hidupnya. Mereka yang dalam keadaan berdukacita kehilangan kerabat berusaha sedaya upaya untuk memberikan kemuliaan dan tempat yang selayaknya bagi si mati sebagaimana jasadnya disambut semasa kelahirannya dahulu.

Oleh itu, dalam usaha untuk mengekalkan dan melestarikan ritual *Beserara Bungai* dalam kontek warisan tidak ketara, sebuah usaha yang kolektif perlulah dilaksanakan bagi memastikan adat ini terus hidup dalam budaya peribumi. Penyelidik memahami bahawa ritual *Beserara Bungai* mungkin tidak relevan dengan kefahaman agama yang dianuti oleh masyarakat Iban secara majoriti kini. Namun, kepentingannya sebagai sumber lisan yang menerangkan sejarah bangsa, identiti budaya, kepercayaan tradisional dan kerangka kehidupan masyarakat Iban adalah sangat signifikan untuk dipertahankan sebagai sebuah legasi di masa hadapan.

Cadangan pengekaln melalui pendokumentasian oleh stesen-stesen penyiaran seperti TV Sarawak membantu dalam memulihara dan memelihara keunikan ritual *Beserara Bungai* ini di masa hadapan. Ia turut berperanan memberikan kefahaman tentang cara hidup sesebuah masyarakat Iban di Sarawak dalam konteks global kepada dunia melalui penyiaran dan penerbitan dokumentari. Selain itu, penyelidikan akademik dari pihak universiti dan pengamal budaya melalui geran penyelidikan seperti *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) turut membantu dalam mengarkibkan budaya peribumi di Malaysia agar tidak lupus di masa hadapan.

## NOTA

1. Pada hari ketiga (hari terakhir dalam adat kematian Iban), seorang wanita yang dikenali sebagai *Tukang Sabak* akan diupah untuk melantunkan bait-bait lagu/ayat yang dikenali sebagai *Sabak Bebuah* bagi tujuan mengiringi roh si mati dalam alam sebayan (alam kematian). Menurut kepercayaan Iban, alam *sebayan* adalah sangat gelap, mempunyai 7 lapisan bahagian yang dijaga oleh pelbagai penjaga akhirat seperti Raja Belut dan Raja Niram iaitu ketua di alam akhirat. Roh orang telah mati haruslah diiringi melalui *leka sabak* untuk melintasi alam kematian sehinggalah kepada destinasi yang terakhir iaitu *Andau Titi Rawan*. Selepas tiga hari dari tempoh kematian tersebut, maka barulah ritual *Beserara Bungai* akan dilakukan oleh Manang di rumah keluarga si mati (Kiyai & Tugang, 2020; Tugang et al, 2021)
2. <sup>1</sup> *Ritual Bebangun* adalah merupakan sebuah adat yang tertinggi dalam ilmu Manang, dalam ritual tersebut, seorang Manang yang senior akan mengetahui ritual pelaksanaan tersebut bagi menaikkan taraf keilmuan seseorang *Manang*. Menurut kepercayaan Iban, Manang yang telah melakukan *ritual bebangun* adalah individu yang layak dan berkuasa dalam penyembuhan dan pengubatan tradisional Iban (temubual bersama dengan informan Bibiana Motey pada 7 September 2022)
3. <sup>1</sup> Kebudayaan Hoabinh adalah merujuk kepada kumpulan masyarakat prasejarah moden yang mengamalkan kebudayaan berasaskan pemburuan dan penghijrahan untuk mendapatkan sumber makanan. Kebudayaan Hoabinh sering dikaitkan dengan budaya yang berawal dari peradaban manusia purba di lembah sungai Mekong Vietnam yang secara geografinya terletak di sebuah wilayah yang subur di sekitar teluk Tonkin. Ciri-ciri awal budaya ini adalah pada awalnya bersifat konservatif dan kemudian berubah kepada kebudayaan baharu yang lebih progresif dan kehadapan iaitu kebudayaan Neolitik. (sila rujuk Wiradnyana, 2011: Supian, et al, 2018).

4. <sup>1</sup> *Bunsu Petara* adalah merujuk kepada tuhan dalam kepercayaan tradisional Iban.
5. <sup>1</sup> Kumpulan kedua adalah merujuk kepada masyarakat Iban, terutamanya golongan tua yang suatu ketika dahulu pernah menyaksikan dan merasai sendiri melalui pengalaman mereka tentang ritual *Beserara Bungai* di rumah panjang. Ingatan tersebut merupakan sebuah ingatan yang kuat kerana, mereka lahir dan membesar dalam lingkungan rumah panjang yang kaya dengan adat dan tradisi. Kini, biarpun zaman sudah berubah namun ingatan mereka terhadap masa lalu terutamanya mengenai ritual *Beserara Bungai* tidak lupus kerana adat tersebut telah menjadi sebuah kepercayaan dalam diri mereka terutamanya golongan tua.
6. <sup>1</sup> Berdasarkan kepada penulisan Tugang (2014), Kiyai (2020) dan Tugau (2020) adalah menyokong kepada pernyataan informan ini tentang kekuasaan pua kumbu yang sangat berkuasa dalam adat kematian masyarakat Iban. Pua adalah tekstil Iban yang sangat sakral dan penenunnya mendapat mandat daripada dewa-dewi melalui mimpi. Penggunaan pua dalam budaya Iban adalah sangat signifikan sebagai objek budaya yang melindungi, menjaga, menyembuhkan dan memberikan kemakmuran kepada masyarakat Iban di rumah panjang.
7. <sup>1</sup> Terjemahan: Semasa waktu dahulu, orang akan menghantar api dan makanan ke kuburan semasa waktu senja. Banyak cerita dan pengalaman yang mereka kongsi bahawa melihat banyak perkara pelik dan ini membuatkan penduduk di rumah panjang menjadi takut.
8. <sup>1</sup> Terjemahan: Ini makanan kamu (sebut nama si mati), kita sudah berbeza alam, baliklah kamu ke tempat asalmu, jangan lagi menghantui kami yang masih hidup.
9. <sup>1</sup> Adat Tusun Tunggu merupakan adat pembayaran denda yang dilakukan berdasarkan kepada permuafakatan sistem undang-undang tradisional di rumah panjang. Pada zaman dahulu, jumlah denda akan dibayar oleh pelanggar adat dengan menggunakan tajau berdasarkan kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Kini, pembayaran denda tersebut telah ditukar dengan sistem mata wang ringgit.
10. <sup>1</sup> Mali merujuk kepada taboo dan perintah yang bersifat mutlak dalam kebudayaan dan kepercayaan Iban. Sekiranya diingkari maka dipercayai akan mendatangkan kemudharatan seperti penyakit dan bencana kepada seluruh penduduk di rumah panjang.
11. <sup>1</sup> Kisah ini diceritakan oleh informan Chermai Iri (65 tahun) berdasarkan kepada ingatan masa kecilnya iaitu dengan mendengar dari cerita yang disampaikan oleh mendiang datuknya iaitu Rimong yang merupakan seorang Lemambang yang berasal dari Nanga Spak, Ulu Layar di kawasan Betong. Kemudian dia bersama isterinya, Biah telah berpindah ke Ulu Limbang iaitu di Mendamit semasa era pemerintahan Brooke di Sarawak sekitar tahun 1930-an dengan menggunakan kapal wap milik pedagang Cina. Kisah ini adalah sebelum terjadinya Perang Dunia II. Tujuan mereka berpindah adalah kerana ingin mencari tanah yang baharu bagi tujuan penanaman padi bukit.
12. <sup>1</sup> Masyarakat Iban sangat percaya dengan mimpi. Mimpi dalam kepercayaan masyarakatnya adalah merupakan sebuah petanda dan penanda akan terjadinya sesebuah peristiwa kepada penerima mimpi. Selain itu, mimpi dalam budaya Iban turut berperanan sebagai pesanan dan arahan daripada alam ghaib, yang mana arahan tersebut adalah bertujuan untuk perkara yang baik-baik sahaja dan

mensejahterakan kepada orang yang mempunyai mimpi tersebut. dalam budaya Iban, mimpi dapat digeneralkan kepada dua makna iaitu *mimpi manah* merujuk kepada mimpi baik dan *mimpi jai* merujuk kepada mimpi yang tidak bernasib baik. Makna yang terdapat dalam mimpi, hanya dapat ditafsirkan secara jelas oleh pakar bijak pandai seperti *Lemambang*, *Tuai Burung* dan *Manang*. (Sila rujuk Ringit & Wahab, 2019; Tugang & Kiyai, 2022).

13. <sup>1</sup> Maksudnya adalah jarak manusia dengan kuasa luar biasa hanyalah di bawah dagu mereka sahaja dan mereka hidup haruslah berpegang teguh kepada adat nenek moyang demi keseimbangan alam ghaib dan alam manusia.
14. <sup>1</sup> Idea ini adalah dengan merujuk kepada konsep pembaptisan dalam gereja Katolik sesuai dengan kawasan informan iaitu di Limbang yang dominan adalah menganut agama Kristian Katolik. Walau bagaimana pun, bagi kumpulan informan yang menganuti agama Kristian Anglikan seperti di Betong dan di Sri Aman tidak menolak kepada pendapat ini kerana gereja Katolik adalah merupakan akar kepada ajaran yang sama

## RUJUKAN

- Brockmeier, J. (2015). *Beyond the archive: Memory, narrative, and the autobiographical process*. Oxford University Press.
- Ringit, C., Wahab, H. A., & Gedat, R. (2019). Domain kepercayaan bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak: Analisis metafora konsepsi. *Asian People Journal (APJ)*, 2(2), 18-30.
- Graham Furniss. (2003). *Orality and Literacy*. London and New York: Routledge.
- Haryono, Trijoko. 2012. *Buku Ajar Pengantar Antropologi*. Departemen Antropologi, FISIP, Universitas Airlangga, Surabaya
- Harrisson, T. (1970). The prehistory of Borneo. *Asian Perspectives*, 13, 17-45.
- Kimwah, J., Arus, B. M., Fun, H. K. N., Kimjik, A. I., & Mambut, N. (2018). Tinjauan Awal Terhadap Lukisan Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah, Sarawak: Initial Observation Of Cave Painting At Gua Kain Hitam In Niah, Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 85-85.

- Kimwah, J., Jusilin, H., & Sahibil, Z. (2020). Kain Hitam Cave (Painted Cave) Niah, Sarawak: The Relationship of Boat-Shaped Coffin and Rock Painting. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(SI3), 319-325.
- Kiyai, G. (2022). Makhluk Mitologi Dalam Artifak Budaya Iban: Pua Kumbu Mythological Creatures In Iban Cultural Artifacts: Pua Kumbu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 35(1).
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2019). The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 5(1), 7-7.
- Kiyai, G. (2019). Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 4(1).
- Keai, G. K. (2021). Inspirasi Alam Dalam Artifak Budaya Masyarakat Iban Di Sarawak: The Inspiration of nature in the Iban Cultural Artifacts at Sarawak. *Sains Insani*, 6(3).
- Layungkuning, Bendung. 2013. *Sangkan Paraning Dumadi Orang Jawa dan Rahasia Kematian*. Penerbit Narasi. Jogjakarta
- Lattu, I. Y. (2019). Orality and Ritual in Collective Memory: A Theoretical Discussion. *Jurnal Pemikiran Sosiologi*, 6(2), 94-111.
- Mambut, N., bin Mohd Arus, B., & Sahibil, Z. (2018). Monumen Sungkup: Reka Bentuk Dan Ragam Hias The Shape And Design Of The Sungkup Monument. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 1-1.
- Marzuki, W. (2001). *Seni, Alam dan Kenegaraan*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur
- Monda, L. (2014). Perbandingan Konsep Kematian dan Kehidupan di Balik Kematian Suku Toraja dengan Konsep Kematian dan Kehidupan di Balik Kematian dalam Alkitab (Doctoral dissertation, Seminari Alkitab Asia Tenggara).
- Misztal, B. A. (2003). Durkheim on collective memory. *Journal of Classical Sociology*, 3(2), 123-143.



- Ong, Walter J. 1980. "Literacy and the Future of Print: Literacy and Orality in Our Times." *Journal of Communication, (Winter)*:197 -204
- Olick, J. K. (2008). 'Collective memory': A memoir and prospect. *Memory studies, 1(1)*, 23-29.
- Rustinsyah (2016). Ritual Kematian sebagai Manifestasi Hubungan Manusia dengan Alam Baka dalam Koesbardiati. *Kematian: perspektif Antropologi*. Surabaya: Univerisiti Airlangga Press
- Sather, C. (2021). Life, death and journeys of regeneration in Saribas Iban funerary rituals. *Austronesian Paths and Journeys, 8*, 127.
- Sather, C. (2012). Recalling the dead, revering the ancestors; Multiple forms of ancestorship in Saribas Iban society. *Ancestors in Borneo societies*, 114-152.
- Supian, N. S. M., Ramli, Z., & Hussin, A. (2018). Kebudayaan Hoabinhian Dan Neolitik Di Gua Jaya, Hulu Kelantan (Hoabinhian And Neolithic Culture In Gua Jaya, Hulu Kelantan). *Jurnal Arkeologi Malaysia, 31(1)*.49-62.
- Tugau, M., Magiman, M. M., Salleh, N., Yusoff, A. N. M., & Permana, S. A. (2021). The Pelian Ritual In Sebauh District, Bintulu, Sarawak. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry, 12(5)*, 3859-3868.
- Tugau, M., Magiman, M. M., Kundat, F. R., Yusoff, A. N. M., & Chelum, A. (2020). Ritual Dirges (Sabak Bebuah) Of Iban Community In Sebauh District, Bintulu, Sarawak. *Hamdard Islamicus, 43(2)*, 358-370.
- Tugang, N. (2014). *Pua: identiti dan budaya masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Tugang, N., & Kiyai, G. (2022). Worldview Mali dalam Kearifan Tempatan Penganan Iban di Sarawak: Satu Penelitian Warisan Tidak Ketara. *Journal of Humanities and Social Sciences, 4(1)*, 37-51.
- Wiradnyana, K. (2011). *Prasejarah Sumatera Bagian Utara: Kontrobusinya Pada Kebudayaan Kini*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

**Informan**

Buchaw anak Undan, 83 tahun, *Lemambang* dan petani  
Biah anak Ngang, 80 tahun, *Tukang Sabak* dan surirumah  
Bibiana Motey Senang, 30 tahun, pegawai penyelidik *Dayak Chair Foundation*  
Chermai anak Iri ,65 tahun, petani  
Datuk Seri Edmmund Langgu, 83 tahun, ahli politik yang bersara  
Gabi anak Uri, 63 tahun, petani  
Jimbun anak Tawai, 77 tahun, bekas penyelidik Majlis Adat istiadat Sarawak  
Jennifer Empiang anak Liman, 30 tahun, penyelidik budaya Iban  
Kiyai anak Uri,65 tahun, petani  
Mat anak Minggan, 79 tahun, petani  
Nicholas anak Ugik, 34 tahun, Guru Sekolah  
Tan anak Kayan, 75 tahun, Penghulu  
Rila anak Majang, 39 tahun, Suri rumah dan pembimbing agama Kristian di rumah panjang Rantau Kiran